



Ruj.Kami : KKM 500-5/1/14

Tarikh : 4 Februari 2016

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Tuan/Puan,

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) BAGI PEGAWAI PERUBATAN
SISWAZAH GRED UD41 PADA 22 HINGGA 26 FEBRUARI 2016**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan telah ditawarkan jawatan sebagai Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD41 di Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebagai syarat pelantikan dan pengesahan dalam perkhidmatan awam, tuan/puan diwajibkan mengikuti Program Transformasi Minda (PTM) sebelum urusan lapor diri di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) / Hospital. Butiran PTM adalah seperti berikut:

Tarikh	:	22 hingga 26 Februari 2016
Tempat	:	Seperti dimaklumkan dalam tab semakan kerjaya portal Kementerian Kesihatan Malaysia
Pendaftaran	:	22 Februari 2016 (Isnin)
Masa	:	2.30 petang [Pakaian Pejabat]

3. Untuk makluman tuan/puan, objektif Program Transformasi Minda (PTM) ini adalah untuk memberi pendedahan kepada semua anggota Perkhidmatan Awam mengenai dasar konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara serta sistem Kerajaan, memupuk jati diri, patriotisme dan menerapkan nilai budaya kerja cemerlang dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat negara maju.

4. PENDAFTARANPTM

4.1 Pendaftaran PTM ialah pada **22 Februari 2016 (Isnin)** adalah pada jam **2.30 petang di lokasi yang diumumkan dalam portal semakan dengan berpakaian pejabat.** PTM akan tamat pada 26 Februari 2016 (Jumaat) jam 1.00 tengahari.

4.2 Peserta dikehendaki mematuhi masa berdasarkan jadual yang ditetapkan kerana PTM akan bermula tepat pada waktunya. **Sebarang kelewatan boleh mengakibatkan peserta tidak diterima mengikuti PTM.**



4.3 Dokumen WAJIB Semasa Pendaftaran PTM (Bawa Salinan Asal dan Fotokopi) :

*(Dokumen seperti di bawah **wajib dikemukakan semasa hari pendaftaran PTM** kepada **pihak urus setia JKN**.)*

- (i) **Sijil Perakuan Pendaftaran Sementara/Penuh atau Surat Pengesahan Penerimaan Permohonan Sijil Pendaftaran Penuh daripada Majlis Perubatan Malaysia (MMC) – 1 Salinan**
- (ii) **Borang Pemeriksaan Perubatan yang lengkap (Pin. 1/2013) (Rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2013) – 1 Salinan**
- (iii) **Surat Tawaran Pelantikan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) – 1 Salinan**
- (iv) **Borang profil peserta bagi PTM di LAMPIRAN A perlu diisi berserta dengan gambar terbaru yang berukuran pasport (2 keping) – 2 Salinan**

4.4 Kegagalan mengemukakan dokumen tersebut boleh menyebabkan **tuan/puan tidak dibenarkan untuk mengikuti PTM**. Di samping itu, **penempatan tuan/puan juga boleh dibatalkan dan latihan siswazah tuan/puan akan ditangguhkan ke sesi pengambilan yang seterusnya**. Sila buat salinan fotokopi dokumen tersebut terlebih dahulu kecuali **LAMPIRAN A**.

5. PENANGGUHAN

Sekiranya tuan/puan menghadapi sebarang kesulitan untuk menghadiri PTM pada **22 hingga 26 Februari 2016**, tuan/puan perlu mengemukakan permohonan penangguhan PTM dan latihan siswazah kepada **Bahagian Sumber Manusia (BSM)** memandangkan **kehadiran PTM adalah wajib** sebelum lapor diri di Hospital. Penempatan latihan siswazah bagi pegawai yang diluluskan penangguhan akan **terbatal** dan pegawai perlu memohon semula penempatan melalui sistem e-Housemen dalam sesi pengambilan yang akan datang.

6. KEPERLUAN DAN KELENGKAPAN PTM

6.1 Kemudahan Penginapan dan Makan Minum

Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan oleh penganjur sepanjang tempoh berkursus. Peserta dikehendaki menginap secara dua orang sebilik (*twin sharing*) dan tidak dibenarkan membawa keluarga atau kawan ke bilik penginapan. Peserta juga tidak dibenarkan tinggal di luar premis penginapan sepanjang tempoh berkursus.

6.2 Penglibatan Aktiviti Sepanjang PTM

Semua peserta diwajibkan mengikuti aktiviti-aktiviti PTM yang dijadualkan. **Jadual penuh PTM akan diberikan semasa pendaftaran.** Peserta adalah **diwajibkan** untuk menghadiri diri **10 minit** lebih awal sebelum kelas, latihan dan aktiviti bermula.

6.3 Pakaian dan Kelengkapan

Pakaian dan kelengkapan adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

7. **SENARAI SEMAK URUSAN PENGESAHAN PELANTIKAN**

Tuan/puan juga dikehendaki untuk melengkapkan dokumen-dokumen seperti di **LAMPIRAN C** dan diserahkan **semasa melaporkan diri** untuk **bertugas sama ada di Hospital atau JKN.**

8. **SENARAI LOKASI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)**

Tuan/puan juga boleh menyemak lokasi Program Transformasi Minda PTM melalui **LAMPIRAN D.**

9. **TUNTUTAN PERJALANAN**

Tuntutan perjalanan untuk lantikan pertama iaitu bagi menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) dan ke tempat yang diarahkan bertugas selepas tamat PTM hendaklah dituntut di Pusat Tangjawab (PTj) masing-masing selaras dengan **Perintah Am Bab B Perkara 13** dan berpandukan **Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2003.** **Walau bagaimanapun, tuntutan ini tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan di tempat bertugas masing-masing.**

10. Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia mengucapkan selamat berkursus kepada tuan/puan dan sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai seperti yang dimaklumkan dalam portal semakan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k YBrs. Tuan SUB (BPL)

TSUB (OL)

Fail

Nota : Surat ini adalah cetakan komputer. Tandatangan tidak diperlukan

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) GRED UD41 PROFIL PESERTA

Lekatkan
Gambar Warna
Ukuran Pasport

Sila penuhkan borang menggunakan **HURUF BESAR SAHAJA** .

Nama Penuh	
No. Kad Pengenalan	
Jantina	
Tarikh Lahir	
Email	
No. Telefon	
Graduan	
Keturunan	
Agama	
Status Perkahwinan	
Nama Waris Untuk Dihubungi Semasa Kecemasan	
No. Telefon waris	
Hubungan Dengan Waris	
Kenyataan Penyakit / Kecacatan / Kecederaan yang dihadapi / Mengandung (Bulan)	
Alahan / Alergi / Vegetarian	
Tandatangan	

SENARAI KEPERLUAN DAN KELENGKAPAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)

1. PAKAIAN SEPANJANG PTM

Lelaki

- (a) Baju kemeja lengan panjang, seluar panjang (gelap) dan bertali leher.
- (b) Baju Batik (**Khamis Sahaja**).
- (c) Kasut Pejabat yang sesuai.

Wanita

- (a) Pakaian pejabat yang sesuai atau blaus dan skirt labuh.
- (b) Baju kurung batik (**Khamis Sahaja**).
- (c) Kasut Pejabat yang sesuai.

2. PAKAIAN SUKAN

Lelaki

- (a) T-shirt berkolar (Lengan Pendek / Panjang)
- (b) Track-bottom Panjang.
- (c) Kasut sukan.
- (d) Stokin.

Wanita

- (a) T-shirt berkolar (Lengan Pendek / panjang).
- (b) Track-bottom panjang.
- (c) Kasut sukan.
- (d) Stokin.

3. PAKAIAN TIDAK DIBENARKAN SEMASA PTM DAN SUKAN (LELAKI / WANITA)

- (a) Seluar jean / seluar pendek.
- (b) T-shirt tanpa kolar / logo dan tulisan yang tidak sesuai.
- (c) Pakaian terlalu ketat / terlalu jarang.
- (d) Track-bottom pendek.
- (e) Selipar / Sandal.

4. PERALATAN BERKURSUS

Peralatan-peralatan berkursus hendaklah disediakan dan di bawa sendiri oleh peserta seperti berikut :

- (i) Alat tulis / Buku nota.
- (ii) *Pendrive / Thumbdrive*.
- (iii) Komputer riba / Laptop (jika ada).
- (iv) Ubat-ubatan.
- (v) Lain-lain keperluan sendiri.

LAMPIRAN D

**SENARAI LOKASI PENGANJURAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA PPS,UD41 BAGI
22-26 FEBRUARI 2016 MENGIKUTI JABATAN KESIHATAN NEGERI (JKN)**

BIL	PENGANJUR PTM	LOKASI PTM	PEGAWAI BERTUGAS
1	JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG (KEDAH/PERLIS)	HARVARD SUASANA HOTEL & HARVARD GOLF & COUNTRY CLUB 08300 BEDONG ,KEDAH	EN. AHMAD TARMIZEE BIN ISMAIL (04-2017112/012-4436875)
2	JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK (HOSPITAL SEBERANG PERAI)	HERITAGE HOTEL IPOH JALAN RAJA DI HILIR 30350 IPOH PERAK	PN. NUR MANJA BINTI MOHAMAD NAZRI (05-2456124/017-5655160)
3	HOSPITAL KUALA LUMPUR (PUTRAJAYA PPUKM/PPUM/ HOSPITAL SG. BULOH)	GRAND CONTINENTAL KUALA LUMPUR JALAN BELIA CHOW KIT 50350 KUALA LUMPUR	EN. FRIDAUS BIN RIDWAN (03-26156451/014-7224757)
4	JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR	MANDARIN COURT HOTEL JALAN MAHARAJALELA 50150 KUALA LUMPUR	PN. NORSHIDAH BINTI NAWAR (03-51237442/010-2315685)
5	JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA	HOTEL GLORY BEACH RESORT BATU 2, JALAN SEREMBAN TANJUNG GEMUK 71000 PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN	PN. ZAKIAH BINTI HAMBALI (06-2356731/012-6727173)
6	JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR	AMANSARI RESIDENCE RESORT JALAN PERSIARAN SERI ALAM, BANDAR SERI ALAM 81750 JOHOR BAHRU JOHOR	PN. NORLIDAR BINTI MHD RASHID (07-2226187/012-3645467)
7	JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN (PAHANG)	TANJUNG DEMONG BEACH RESORT LOT 25,JLN BUKIT KELUANG 22200 BESUT,TERENGGANU	EN. YUSAINY BIN YAACOB (09-741618/019-9299889)
8	JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU	BUKIT KELUANG BEACH RESORT PANTAI PERANGINAN BUKIT KLUANG 22200 BESUT,TERENGGANU	EN. AHMAD FADZLI BIN ALIAS (09-6226028/012-9665418)
9	JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH	PROMENADE HOTEL KOTA KINABALU NO.4, LORONG API-API 3 88000 KOTA KINABALU SABAH	EN. AARON DENNIS DASAN (088-265960/010-9324394)
10	JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK	THE REGENCY RAJAH COURT HOTEL 6115 JALAN TUN RAZAK 93300 KUCHING, SARAWAK	PN. CATHRINE WILSON ANAK UNTING (082-473308/014-8959051)